

SUARA KONTEMPORARI

Kosmo!

www.kosmo.com.my

SABTU 23 SEPTEMBER 2017 **RM1** BIL: 21 TAHUN 13 PP13809/08/2012 (030437)

Lesen Uber di London dibatal kerana risiko keselamatan

PIHAK berkuasa London semalam bertindak membatalkan lesen operasi teksi Uber di kota raya Britain berkenaan bermula hujung bulan September ini kerana aplikasi pengangkutan itu mencetuskan risiko keselamatan awam.

Tindakan tersebut akan menjejaskan lebih 40,000 pemandu Uber di kota raya antara terbesar di dunia itu.

Perkhidmatan Uber boleh didapati di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Terdapat lebih 20,000 pemandu Uber di Malaysia.

» LAPORAN DI MUKA 43



PERKHIDMATAN Uber di London akan ditamatkan hujung bulan ini kerana berisiko ke atas keselamatan penumpang.

Pusat tahfiz ingkar piawaian keselamatan akan ditutup

Kerajaan beri tempoh kepada pusat tahfiz di seluruh negara untuk tingkatkan aspek keselamatan bagi elak kebakaran berulang

KERAJAAN akan menutup operasi mana-mana pusat tahfiz yang gagal mematuhi piawaian keselamatan dalam tempoh diberikan bagi memastikan kejadian kebakaran di pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Hujung, Kuala Lumpur minggu

lalu yang mengorbankan 23 orang tidak berulang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, soal keselamatan anak-anak di pusat tahfiz adalah seperti bom jangka yang tidak boleh dipandang ringan.



KERATAN Kosmo! semalam.

"Ini soal nyawa anak-anak kita dan tanggungjawab kita, bukan soal kuasa kerajaan negeri atau Persekutuan," katanya ketika berucap pada majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1439H/2017M di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur semalam.

Tambah beliau, kerajaan sudah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melakukan siasatan terhadap piawaian keselamatan di semua pusat tahfiz seluruh negara.



NAJIB



PARA pelajar Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Hujung, Kuala Lumpur melihat kesan kebakaran pusat tahfiz itu.

» BERITA DI MUKA 2 & 3

Tun Sakaran Dandai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 2017
»8



Aksi 'bercium' Fattah Amin, Janna Nick cetus kontroversi »7



PERLAKUAN pasangan bercium di dalam MRT boleh menjejaskan imej negara kepada masyarakat tempatan dan pelancong asing.

Penumpang bawa budaya jelik dalam MRT

SEGELINTIR penumpang Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang didapati membawa budaya tidak beradab di dalam pengangkutan awam itu apabila dikesan berpelukan dengan pasangan, bergayut pada tiang, makan minum sesuka hati, duduk tanpa adab dan menyelitkan sampah di celah tempat duduk.

Lebih malang, pasangan yang berpeluk itu tidak menghiraukan penumpang lain sekali gus memberikan imej negatif kepada pelancong asing dan orang tempatan.

» BERITA DI MUKA 13